

PERATURAN PEMARKAHAN

EKONOMI TINGKATAN 4 MODUL AMANJAYA KERTAS 2

TAJUK : 3.0 Pendapatan Individu
Standard Kandungan : 3.1 Wang Dan Bank

Bahagian A (Wajib Jawab)

1 a. Apakah itu wang?

- *Wang merupakan komoditi atau benda yang diterima umum oleh masyarakat sebagai alat perantaraan pertukaran.*

(2markah)

1 b. Gambar dibawah menunjukkan iklan telefon bimbit



Harga Tunai : RM3,900
Deposit / Wang Pendahuluan : RM1,500
Ansurans : RM130 selama 24bulan

Jelaskan 3 fungsi wang yang ditunjukkan dalam iklan diatas

- *alat ukuran nilai iaitu harga telefon bimbit dinyatakan dalam nilai wang RM3,900*
- *alat perantaraan pertukaran iaitu wang pendahuluan sebanyak RM 1,500*
- *alat bayaran tertunda iaitu pembayaran boleh dibayar secara ansuran sebanyak RM130 selama 24 bulan.*

(5markah)

1 c. Nyatakan kelemahan sistem barter yang menyebabkan wang digunakan utk jual beli barang.

- *barang tidak tahan lama*
- *masalah membawa barang*
- *masalah kehendak serentak*
- *kesukaran menentukan kadar pertukaran*
- *kesukaran membahagikan barang kepada unit yang kecil*

(5markah)



1 d. Apakah institusi di Malaysia yang menggunakan logo diatas

- *Bank Negara Malaysia*

(1markah)

1 e. Senaraikan fungsi institusi kewangan bank tersebut.

- *mengeluarkan mata wang*
- *mengawal kestabilan nilai mata wang*
- *jurubank kepada kerajaan*
- *jurubank kepada bank perdagangan*
- *mengawal kestabilan negara*

(5markah)

1 f. Nyatakan 2 kaedah institusi tersebut menstabilkan nilai mata wang

- *mewujudkan sandaran minimum*
- *campur tangan dalam pertukaran asing*
- *mengawal inflasi.*

(2markah)

2 a. Apakah maksud bank pusat memberi pendahuluan sementara

- *Maksud ialah bank pusat bertanggungjawab memberi pendahuluan sementara kpd kerajaan apabila kerajaan mempunyai masalah kekurangan wang.*
- *Kerajaan akan membayar balik tidak lewat dari 3 bulan setelah berakhirnya tahun kewangan kerajaan.*

(3markah)


2 b. Gambar dibawah menunjukkan sebuah institusi kewangan di Malaysia



Apakah jenis bank dalam gambar diatas?

- *Bank perdagangan*

(1markah)



2 c. Senaraikan 4 jenis kemudahan yang boleh digunakan oleh pemegang akaun X.

- *Pemindahan wang*
- *Buku wang dan penyata ank*
- *Pembayara bil dan bayaran ansuran*
- *Pemindahan wang antara bank (giro)*
- *Kemudahan kad juruwang eletronik*
- *Perbankan internet*

(4markah)

2 d. Bezakan akaun semasa dan akaun X yang disediakan oleh bank perdagangan.

- *Pemegang akaun tabungan tidak boleh membayar dengan cek manakala pemegang akaun semase boleh membayar dengan cek.*
- *Pemegang akaun tabungan tidak mendapatkan kemudahan overdraft manakala pemegang akaun semasa mendapat kemudahan overdraft*
- *Pemegang akaun tabungan tidak dikenakan caj perkhidmatan manakala pemegang akaun semasa dikenakan caj perkhidmatan.*

(5markah)

2 e. Cik Syifa mendapat pembiayaan Bank Setia Berhad untuk pembelian sebuah kereta baharu berharga RM90,000. Cik Syifa membayar pendahuluan sebanyak RM10,000 dan ansuran selama 9 tahun. Kadar faedah dikenakan sebanyak 4% setiap tahun.

Hitungkan bayaran ansuran yang perlu dibayar oleh Cik Syifa pada setiap bulan.

- *Rumus : Jumlah pinjaman + jumlah kadar faedah / jumlah bulan*
- *Jumlah pinjaman = RM90,000 – RM10,000*
= RM 80,000
- *Jumlah kadar faedah = RM80,000 x 0.04 x 9 tahun*
= RM 28,800
- *Nilai bayaran bulanan = $\frac{RM 80,000 + RM 28,800}{108 \text{ bulan}}$*
= RM 1007.40

(5markah)

2 f. Gambar di bawah menunjukkan penggunaan kad kredit di Malaysia.



Nyatakan 2 jenis kad kredit yang terdapat di Malaysia.

- *Kad Visa*
- *Kad Master*

(2markah)

3 a. Baca petikan di bawah dengan teliti.

Pada tahun 2014, Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) menyatakan bahawa terdapat 101 juta urus niaga melibatkan kedua-dua tunai dan cek yang membawa kepada kos pengendalian tinggi. Dari tahun 2011 – 2013, pengendalian cek secara purata turun pada kadar dua peratus, susut 10 peratus pada tahun 2014 dan terus merosot sebanyak 16 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama pada tahun 2015. Pihak BNM mengunjurkan bilangan cek yang dijelaskan turun daripada kira-kira 207 juta urus niaga pada tahun 2010 kepada 149 juta pada akhir tahun. Beliau berkata menjelang tahun 2020, sasarannya ialah 100 juta cek yang boleh menjimatkan kos pengendalian kepada minimum RM300 juta.

(Sumber: Disesuaikan daripada <http://malaysiagazette.com/ms/ekonomi/bnm-gesa-bank-kurangkan-kos-pengendalian-tunai-cek>)

Institusi perbankan telah menyediakan kemudahan e-pebayaran untuk mengurangkan penggunaan cek dan tunai

i. Senaraikan lima kemudahan e-pembayaran di bank perdagangan.

- *Debit langsung*
- *Pindahan kredit*
- *Perintah sedia ada*
- *Draf bank*
- *Kad juruwang eletronik*
- *Kad kredit*

(5markah)

3 b. Jelaskan tiga kelebihan penggunaan e-pembayaran dalam ekonomi Malaysia.

- *Memudahkan transaksi kewangan*
- *Penggunaan e-pembayaran juga menjamin keselamatan transaksi*
- *Lebih menjimatkan masa*
- *Dapat menggalakkan pelancongan melalui penggunaan kad visa*

(3markah)

3 c. Nyatakan perbezaan antara debit langsung dan perintah sedia ada

- *Debit langsung ialah arahan kpd bank membuat **bayaran yang tidak tetap** jumlahnya pada **tarikh yang tertentu** manakala perintah sedia ada merupakan arahan kepada bank untuk membuat **bayaran tetap** pada **tarikh yang telah ditetapkan***
- *Contoh debit langsung ialah bayaran bil elektrik manakala contoh perintah sedia ada adalah bayaran ansuran sewa beli kereta.*

(5markah)

3 d. Baca petikan di bawah.

Kad Debit Alternatif Ganti Tunai

Biasanya urusan jual beli dilakukan secara tunai, namun seiring dengan peredaran masa, orang ramai kini tidak perlu risau sekiranya tiada wang di dalam poket. Ini adalah kerana kad debit dan kad kredit boleh digunakan di kedai, pusat beli-belah mahupun stesen minyak secara meluas untuk membeli barang. Menyedari kelemahan penggunaan kad kredit, ramai yang sudah beralih kepada transaksi menerusi kad debit. Dijangkakan trend itu akan terus meningkat.

(Sumber: <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/kad-debit-alternatif-ganti-tunai-1.369859>)

Terangkan kelebihan dan kelemahan penggunaan kad kredit dan kad debit.

- *Kelebihan : Kad debit dan kad kredit menyebabkan org ramai tidak perlu membawa wang tunai yang byk dan lebih selamat*
- *Kad debit boleh digunakan di kedai pusat membeli belah dan juga distesen minyak.*
- *Kad kredit membolehkan pelanggan membeli barang secara kredit(ansuran)*
- *Kelemahan : kadar faedah yg tinggi akan dikenakan jika pelanggan gagal membayar mengikut tempoh yg ditetapkan*
- *Setengah bank juga mengenakan yuran tahunan kpd pemegang kad kredit*

(5markah)

3 f. Berikan contoh dua jenis contoh transaksi perbankan internet

- *Membayar bil*
- *Menyemak baki bank*
- *Membuat pindahan akaun*
- *Membuat pembelian secara online*
- *Mencetak penyata*

(2 markah)

Bahagian B

Encik Rahmat ialah seorang juruteknik di sebuah kilang elektronik di Pulau Pinang. Beliau baru sahaja bersara dan kini berumur 56 tahun dan telah mengeluarkan simpanan KWSP yg bernilai RM200 000. Beliau telah bercadang untuk menyimpan 30% daripada wang tersebut di Public Bank Berhad. Pengurus Public Bank telah menawarkan kadar faedah sebanyak 5% setahun bagi simpanan akaun tetap dan 1% setahun untuk akaun tabungan. Walau bagaimanapun, beliau telah membuat keputusan untuk menyimpan di dalam akaun tabungan.

Encik Rahmat juga memperuntukan 50% daripada ganjarannya untuk membuat pelaburan di dalam Amanah Saham Berhad. Beliau telah mendapat dividen yang agak lumayan pada setiap tahun. Beberapa tahun kemudian, Encik Rahmat telah mengeluarkan kesemua wang simpanannya untuk menceburi diri dalam perniagaan dengan membuka ladang kelapa sawit di Perak. Baginya bidang ini mempunyai peluang yang cerah dan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Berdasarkan situasi diatas jawab soalan berikut.

- a. Adakah anda setuju dengan keputusan yang dibuat oleh En Rahmat untuk menyimpan dalam akaun tabungan. Berikan alasan-alasan anda dan hitungkan kadar faedah yang diterima oleh En Rahmat yang menyimpan dalam akaun tabungan.

- *Saya setuju dengan keputusan En Rahmat*
- *Ini kerana simpanan dalam akaun tabungan membolehkan penyimpan mengeluarkan wang pada bila-bila masa.*
- *Penyimpan jugak bole memindahkan wang antara bank (GIRO) dan*
- *Diberikan buku bank atau penyata bank untuk En Rahmat menyemak baki wang dan urus niaga di bank*
- *En Rahmat jugak bole membuat pembayaran bil dan ansuran sewa beli melalui kemudahan bayaran yang disediakan, contoh debit langsung dan perintah sedia ada.*
- *Diberi kemudahan kad juruwang eletronik (ATM)*
- *Sebagai penyimpan akaun tabungan juga En rahmat boleh menggunakan kemudahan perbankan internet*
- *Kemudahan ini memudahkan En Rahmat menguruskan kehidupan sehariannya sebagai seorang pesara.*
- *En Rahmat tetap menerima faedah walaupun lebih rendah berbanding simpanan tetap.*
- *Semua kemudahan ini tidak disediakan untuk pemegang akaun simpanan tetap ini menyukarkan En Rahmat untuk menguruskan kewangan dalam kehidupannya.*

(12 markah)

- b. Pelaburan dalam ladang kelapa sawit yang dilakukan oleh En Rahmat mempunyai risikonya tersendiri, walaupun bidang ini mempunyai peluang yang cerah dan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Bincangkan.
- *Harga kelapa sawit tidak stabil di pasaran dunia dan ini boleh menjejaskan keuntungan*
 - *Persaingan yang tinggi dari pengeluar negara lain*
 - *Penawaran kelapa sawit tidak anjal*
 - *Walaupun harga meningkat pengeluaran tidak boleh ditingkatkan dgn segera kerana pengeluaran kelapa sawit memerlukan tempoh yang panjang*
 - *Ladang kelapa sawit berhadapan risiko cuaca seperti kemarau dan banjir*
 - *Kesukaran mencari tenaga buruh untuk bekerja di ladang kelapa sawit khususnya buruh tempatan,*
 - *En Rahmat terpaksa mencari buruh asing dan melibatkan kos yang tinggi*
 - *Kelapa sawit memerlukan penjagaan yang rapi utk memastikan keluarannya banyak dan bermutu*
 - *Contoh baja yang mencukupi*
 - *En rahmat seorang pesara dan mungkin tidak mempunyai cukup pengalaman untuk menguruskan ladang kelapa sawit.*

(8 markah)